

Sudah 21 kali kolam memancing diracun

HM 16/1/25 PG 4

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Ikan dipercayai kena tuba, arah premis ditutup sementara sehingga kerja pembersihan selesai

Saya perlu hadapi dengan tabah ujian ini dan bersekutu kepada Allah," kata Mohd Rizwan Abdul Razak apabila ratusan ikan di Kolam Memancing Sealion Pelabuhan Klang di sini masih lagi dipercayai diracun.

“Saya tahu amaran, perbuatan ini buat mati ikan itu berlaku buat kali ke-21 sejak dalam tempoh tiga tahun sejak Perbadanan Sukan Memancing Malaysia (MSO) mengambil alih kolam bersempena pada September lalu,”

Cerita lanjut, Mohd Rizwan yang juga merupakan Pengurus MSO berkata, kejadian disedari semasa tangannya kira-kira jam 8 pagi Ahad lalu apabila melihat beberapa ikan mati dan timbul di permukaan kolam.

“Saya meminta mereka untuk membuat pemberitahuan, tapi keadaan berubah teruk apabila seterusnya banyak ikan dalam kolam yang mati dan timbul,”

“Saya segera menjalankan kerja rawatan kolam pada paggajam 1 pagi. Saya tidak dapat ikan-ikan bersempena dipercayai ditubuhkan menggarahkan kolam itu sementara sehingga kerja pembersihan selesai,” katanya kepada *Harian Metro*, semalam.

Cerita lanjut, Mohd Rizwan berkata, pasukan mereka menjalankan rawatan dengan membuat buang air besar dalam kolam sedia ada bagi mempersihkan rapi.

Nurutnya, beliau juga mengatakan sampel air kolam boleh berakenaan untuk diuji dan disahkan apakah punya racun.



KERJA pembersihan kolam ikan dijalankan pasukan Pertubuhan Sukan Memancing Malaysia (MSO) di Kolam Memancing Ikan Sealion, Pelabuhan Klang. - Gambar ihsan Mohd Rizwan



RATUSAN ikan mati dipercayai akibat diracun pihak tidak bertanggungjawab.

“Saya tidak mahu tuduh mana-mana pihak, cuma yang jelas ia memang perbuatan khianat berdasarkan pengalaman kami sebelum ini,” katanya.

Menurutnya, MSO me-

nanggung kerugian hampir RM100,000 akibat kejadian, namun belum membuat laporan polis kerana sedang menyelesaikan masalah dan keadaan yang dihadapi ketika ini.

“Kolam memancing berkenaan dijangka dapat beroperasi semula pada Jumaat ini sebaik sahaja selesai operasi rawatan dan juga pembersihan kolam,” katanya.